



JONISTON (keempat dari kiri), Harun (kelima dari kiri), Chamil (kelima dari kanan), Mustapa (ketiga dari kiri) Jerry (kiri) mengabadikan kenangan bersama peserta kursus.

Laporan media harus berdasarkan fakta: NC UMS

Larissa Lumandan DE 20.1.14 2

KOTA KINABALU: Wartawan bertanggungjawab melaksanakan tugas mereka dengan integriti dan kejujuran.

Laporan mereka harus berdasarkan fakta dan bukan pemutarbelitan, yang boleh menjelaskan imej negara, kata Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

"Wartawan komited kepada tanggungjawab mereka terhadap masyarakat dan negara. Dengan itu, mereka mesti menyampaikan gambaran lebih jelas kepada rakyat tentang

sesuatu keadaan.

"Mereka (wartawan) tidak harus dipengaruhi oleh khabar angin yang disebarluaskan melalui media sosial, yang kesahihannya dipersoalkan," katanya apabila merasmikan Zamalah Wartawan Muda 1Malaysia 2015 Sabah di Sky Hotel di sini, Isnin.

Beliau juga menjelaskan, kebanyakannya wartawan hari ini menghadapi banyak cabaran disebabkan globalisasi.

"Dengan itu, adalah penting untuk mereka (wartawan) meningkatkan pengetahuan mereka dalam kewartawanan di samping program dan dasar kerajaan untuk menghasilkan berita tepat dan berkualiti tinggi selain daripada menjadi pemangkin bagi pembangunan dan transformasi negara," katanya.

Sembilan wartawan dari Sabah, lapan dari Sarawak dan enam dari semenanjung menyertai kursus dua minggu itu. Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Press Institute (MPI), Datuk Chamil Wariya dalam ucapannya menasihatkan peserta untuk mengambil peluang yang diberikan kepada mereka untuk meningkatkan pengetahuan kewartawanan mereka.

"Beri komitmen dan tumpuan penuh anda kepada semua 13 penceramah jemputan sepanjang kursus ini. Penceramah adalah wartawan veteran yang cukup berpengalaman termasuk, Pengarang Kumpulan *Harian Metro*, Datuk Mustapa Omar, Ketua Pengarang *Daily Express*, James Sarda, Perunding Pengarang Kanan *The Star* (Latihan dan Hal Ehwal Undang-undang) T. Selva dan lain-lain yang telah menerima pelbagai anugerah antarabangsa dan negara," katanya.

Lihat muka 6

Peserta berpeluang bertemu Ketua Menteri

Dari muka 2

Menurut beliau, selain itu ceramah juga akan disampaikan oleh ahli akademik berpengalaman dari universiti-universiti termasuk Profesor Dr Azizah Hamzah dari Universiti Malaya (UM), Profesor Datuk Hamdan Adnan dari UMS serta pensyarah Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Profesor Dr Mus Chairil Samani dan Dr Jeniri Amir.

“Selain itu, kita juga akan ada dua pensyarah undang-undang, Profesor Dr Salleh Buang iaitu seorang profesor pelawat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Profesor Dr Shamrahayu Abdul Aziz dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA) yang akan menyentuh interaksi serta konfrontasi badan perundangan, eksekutif dan kehakiman untuk sekatan dan imbangan.

“Adalah penting untuk kita wartawan memahami undang-undang kerana ia melibatkan semua kita. Pertubuhan kamu boleh didenda atau didakwa di bawah Akta Hasutan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Rahsia Rasmi, Kanun Keseksaan dan lain-lain,” katanya.

Kursus tersebut, yang mula-mula diadakan di Kuala Lumpur pada 2011, akan diadakan di Kota Kinabalu dan Kundasang dari 19 hingga 31 Januari.

Peserta juga akan berpeluang bertemu dengan Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman pada Isnin, Speaker Dewan Negeri, Datuk Seri Dr Salleh Tun Said, dan Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Jalaluddin Abdul Rahman.